

TTSH mula program relawan warga emas, bantu pesakit berusia



ENCIK CHAN HENG KEE

SATU program sukarela bagi warga emas yang berminat membantu pesakit di hospital telah dilancarkan oleh Hospital Tan Tock Seng (TTSH) semalam.

Sukarelawan akan menjalani kursus latihan yang dibangunkan kakitangan jagaan kesihatan TTSH dan Pusat Pengaktifan Kesihatan (CHA), sebuah institut kajian dan latihan bagi sukarelawan, lapor akhbar *The Straits Times*.

Selepas melengkapkan latihan, sukarelawan ini akan dihantar untuk membantu pesakit di klinik mata dan pesakit yang menjalani pembe-

dahan penggantian lutut penuh, kata hospital itu.

Mengumumkan inisiatif itu semalam, Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan (MOH), Encik Chan Heng Kee, berkata ini adalah satu contoh bagaimana warga emas boleh kekal aktif dan berjasa kepada orang lain pada hari tua.

“Saya harap warga emas akan menyertai program ini dan menikmati proses mempelajari kemahiran baru dan membantu orang lain,” ujar Encik Chan dalam ucapannya di Sidang Pesakit Singapura yang diadakan di TTSH.

Penasihat klinik di CHA, Dr Mark Chan, berkata program perintis ini berbeza daripada program sukarela lain bagi warga emas.

Biasanya, warga emas yang menjalani program sukarela akan menjalin hubungan sebagai kawan dengan pesakit atau menyertai kegiatan tertentu bersama-sama.

Namun, menurut Dr Mark, sukarelawan yang menyertai program di TTSH itu akan diajar kemahiran untuk membantu sebahagian operasi di klinik, seperti mencatat sejarah perubatan pesakit dan menunjukkan cara terbaik menggunakan ubat ma-

ta.

“Warga emas lebih sedar tentang isu perubatan dan mampu menjalin hubungan lebih mesra dengan pesakit lebih berusia menyesuaikan diri dengan sekitaran baru, membantu mereka duduk dan menggalakkan mereka minum air.

Menurut pihak hospital, warga emas yang berminat menjadi relawan akan diwawancara.

Mereka yang dipilih perlu menyertai Program Kenal Suai Relawan dan perlu berupaya berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam bulan.

warga emas.

Program itu berhasrat mendapatkan 160 relawan, yang antara lain akan dilatih untuk membantu pesakit lebih berusia menyesuaikan diri dengan sekitaran baru, membantu mereka duduk dan menggalakkan mereka minum air.

Menurut pihak hospital, warga emas yang berminat menjadi relawan akan diwawancara.

Mereka yang dipilih perlu menyertai Program Kenal Suai Relawan dan perlu berupaya berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam bulan.



ANTARA YANG DIGABUNG: Maktab Rendah Tampines (gambar paling atas) akan digabungkan dengan Maktab Rendah Meridian (atas) untuk menjadi Maktab Rendah Tampines Meridian. — Foto-foto fail

Empat JC yang digabung akan punya pengetua baru

PENGETUA bagi empat maktab rendah (JC) yang digabung akan dilantik Disember ini sebagai sebahagian daripada rombakan tahunan Kementerian Pendidikan (MOE).

Empat JC itu adalah antara 66 sekolah – dari sekolah rendah hingga maktab rendah – yang akan mempunyai pengetua baru tahun depan.

Demikian diumumkan MOE dalam satu kenyataan semalam.

Encik Manogaran Suppiah, kini Pengetua Serangoon JC, akan memimpin Anderson Serangoon JC; Dr Hang Kim Hoo, kini Pengetua Jurong JC, akan memimpin Jurong Pioneer JC; Cik Pamela Yoong Nyok Ke, kini Pengetua Tampines JC, akan memimpin Tampines Meridian JC; sementara Encik Michael Nelson De Silva, kini Pengetua Innova JC, akan memimpin Yishun Innova JC.

Sehubungan itu, beberapa sekolah lain termasuk Sekolah Anglo-Chinese (Bebas dan Rendah), Sekolah Seni Singapura dan Sekolah Tinggi Nan Chi-

au, juga akan mempunyai pengetua baru, menurut laporan *The Straits Times*.

Sebanyak 10 sekolah dalam rombakan itu akan mempunyai pengetua kali pertama.

MOE menyatakan perubahan itu membolehkan sekolah meraih manfaat dengan mendapat perspektif baru, dan membolehkan pengetua yang berpengalaman berkongsi amalan terbaik merentasi sekolah.

“Bagi 10 pengetua yang baru dilantik, ini merupakan detik penting dalam kerjaya mereka kerana mereka menggalas tanggungjawab lebih besar sebagai pemimpin dalam pendidikan,” kata MOE dalam kenyataan tersebut.

Penggabungan lapan JC kepada empat disebabkan kadar kelahiran di Singapura yang semakin berkurangan itu diumumkan MOE April tahun lalu.

MOE berkata, JC yang digabung itu akan mengekalkan nama kedua-dua sekolah, dengan nama sekolah yang lebih tua didahulukan.

PUSAT PENAJA BERMODELKAN PERUSAHAAN SOSIAL



MAHU SEMUA RAIH MANFAAT: Model pusat penjaja kendalian perusahaan sosial, seperti Pusat Penjaja Jurong West (gambar) diperkenalkan supaya semua pihak – pengendali, penjaja dan pelanggan – dapat meraih manfaat seperti harga makanan berpatutan dan persekitaran yang bersih. — Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

NEA akan ambil tindakan jika urus pusat penjaja secara tidak betul

Dr Khor: Agensi akan bekerjasama dengan pengendali, penjaja tangani isu-isu

AGENSI Sekitaran Kebangsaan (NEA) tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas pengendali di pusat penjaja bermodelkan perusahaan sosial jika mereka didapati mentadbir secara tidak betul.

Menulis dalam Facebooknya, Menteri Kanan Negara (Kesihatan merangkap Sekitaran dan Sumber Air), Dr Amy Khor, berkata agensi itu bekerjasama dengan pengendali dan penjaja untuk menangani isu kos dan peraturan kontrak di pusat penjaja serupa itu.

Beliau menegaskan demikian kerana terdapat banyak perbincangan mengenai pusat penjaja perusahaan sosial sejak kebelakangan ini. Terdapat 114 pusat penjaja di sini dengan tujuh yang baru daripadanya dikendalikan oleh perusahaan sosial.

Ramai telah menyuarakan pandangan dan ini menunjukkan budaya makan di pusat penjaja dekat di hati masyarakat, kata Dr Khor, sambil mengalu-alukan maklum balas supaya dapat terus memperbaiki.

Beliau berkata, menyerahkan

“Kami mengawal harga makanan, menilai pengendali yang lebih cenderung menawarkan jumlah kos terendah kepada pemilik gerai, dan memastikan pengendali tidak menaikkan sewa gerai semasa tempoh penyewaan. Ini bagi memastikan rakyat Singapura terus mendapat akses kepada makanan yang berpatutan dalam persekitaran yang bersih, dan penjaja kita dapat memperoleh mata pencarian baik.”

— Dr Amy Khor.

pengendalian tujuh pusat penjaja baru itu kepada perusahaan sosial adalah antara cara menangani banyak cabaran perniagaan penjaja seperti hambatan pembaharuan dan tenaga kerja, dan pada masa yang sama memenuhi keperluan penduduk untuk terus menikmati jualan.

“Beberapa kelonggaran diberi kepada syarikat-syarikat ini untuk

mencuba idea lain dan inovasi bagi menyemarakkan pusat penjaja kita, dan memberi manfaat kepada pelanggan dan penjaja.

“Kami mengawal harga makanan, menilai pengendali yang lebih cenderung menawarkan jumlah kos terendah kepada pemilik gerai, dan memastikan pengendali tidak menaikkan sewa gerai semasa tempoh penyewaan.

“Ini bagi memastikan rakyat Singapura terus mendapat akses kepada makanan yang berpatutan (harga) dalam persekitaran yang bersih, dan penjaja kita dapat memperoleh mata pencarian baik,” kata beliau.

Pusat penjaja baru, ujaninya, mengambil masa untuk berkembang. Mentelah lagi, model pengurusan itu baru tiga tahun dicuba dengan dua pusat penjaja terbaru dibuka tahun ini.

“Kami memantau dan menilai model ini dengan tujuan untuk terus menghalusi dan memperbaikinya,” kata beliau.

NEA sedang mengkaji semula perjanjian kontrak bagi menetapkan beberapa syarat peraturan yang digunakan oleh pengendali dalam kontrak.

“Kami akan terus menghalusi model pengurusan ini bagi menjaga kepentingan warga Singapura – peneung dan penjaja – dan mencajap matlamat memastikan rakyat Singapura mempunyai akses kepada makanan dengan harga berpatutan dan penjaja boleh membuat mata pencarian yang baik,” kata beliau.

- ✓ Menyokong sistem imunisasi dan daya tahan
- ✓ Membantu mengawal kesihatan sendi

- ✓ Sesuai untuk pesakit tiga serangkai
- ✓ Membantu menyokong penampilan yang sihat

NATURESVILLE

UNTUK PENGHANTARAN PERCUMA:
6749 9949

naturesville.sg @naturesvillessg

THOHA TRAVELS & TOURS PTE LTD
#03-40 GOLDEN LANDMARK S.C. FB: THOHA TRAVELS WEB: THOHATRAVEL.SG
TA 01826 WHATSAPP / HOTLINE: 94515473 / 94895748 / 62977034

<p>UMRAH BERSAMA UST NAZER THOHA TRAVELS & TURKISH AIRLINES</p> <p>16H UMRAH & BAITULMAKDIS \$4700/ Bersama Ust Md Izzam Ahmed \$4950/ 13 DEC (Baki - 15)</p> <p>13H UMRAH + BURSA \$3800/\$3950/ 2 DEC (Baki - 3), 6 DEC (Baki - 4) \$4250</p> <p>UMRAH & WISATA 2019</p> <p>17H AKHIR RAMADHAN - SV \$6400 BERSIH</p> <p>15H UMRAH + BURSA & IST. \$4200 4 JAN (Baki - 20), 8 MAR (Baki - 15)</p> <p>15H UMRAH & BAITULMAKDIS \$4550 4 JAN (Baki - 15), 8 MAR \$4650</p> <p>13H UMRAH + BURSA \$3700 10 MAR \$3800</p> <p>9H TURKEY TULIPS - 7K 15 MAR dr \$1550</p> <p>10H BALKANS - 7K APR MUSIM BUNYA dr \$2950</p> <p>14H BALKANS & GREECE - 7K \$4000/\$4200 4 JAN (Baki - 15), 8 MAR \$4580</p>	<p>WISATA ISTIMEWA TURKISH AIRLINES * SINGAPORE AIRLINES</p> <p>11H TURKEY DELIGHT - 7K \$2400 29 NOV (Baki - 3), 20 DEC (Baki - 9)</p> <p>12H TURKEY DELIGHT - 7K \$2500 Bersama Zaliha Hamid 2 DEC (Baki - 10)</p> <p>15H ITALY & SWISS - 7K \$4550 Bersama Ust Nazer & Junaidah Ekan 12 DEC (Baki - 10) dr \$4550</p> <p>13H MOROCCO, SPAIN & PORTUGAL - 7K \$4255/ 17 DEC (Baki - 13) \$3950</p> <p>14H BALKANS & GREECE - 7K + SANTORINI \$4000/ Bersama Johan Jaafar \$4200 3 DEC (Baki - 15)</p> <p>9H KOREA WINTER SONATA - SQ dr \$2400 6 DEC (Baki - 8)</p> <p>18H BOSNIA CROATIA TURKEY dr \$4800 7 DEC (Baki - 5)</p>
---	--

KURSUS UMRAH:
Hari: Setiap Ahad Oct. Masa: 9.15 pagi
Tempat: Madrasah Al-Jumied
Pembimbing: Ust Mohd Nazer Monet
Semua dipersilakan hadir: PERCUMA

KHIDMAT MEMUASKAN FIKIRAN TENANG INSYALLAH

10H UZBEK BUKHARA & CHIMGAN MOUNTAIN 19 DEC (Baki - 7) \$2080
DOMESTIC FLIGHT + TRAIN

3D2N DISCOVERY BRUNEI \$570** BERSIH
4H3M SABAH 23 NOV dr \$600
2H AMARIS NAGOYA HILL & MINI CRUISE 27 OCT \$140

*tak termasuk tax \$80-\$500 ** 20 pax pertama-Pakej Turki, Greece sudah termasuk PENERBANGAN DOMESTIK & tax. *kategori bilik Pakej BRUNEI & Morocco sudah termasuk tax

Beef Up Your Finances

Call 6289 8822
or e-mail
notices@sph.com.sg
to publicise your
IPOs &
other offerings